

TARIKH: 17/7/23
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia
MUKA SURAT: 3

Naikkan gaji Julusan TVET

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
utusannews@mediamulla.com.my

KEPALA BATAS: Gaji Julusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu ditingkatkan antara RM2,500 hingga RM3,000 supaya lebih ramai terlibat dalam bidang itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, gaji Julusan tersebut ketika ini antara RM1,800 hingga RM2,000 dianggap lebih rendah daripada Julusan diploma dan universiti.

Katanya, persepsi sebegini masih wujud sehingga mengakibatkan pelajar menjadi tidak bersemangat ketika meneruskan pengajian dalam Julusan tersebut meskipun jumlah pelajar yang mengikuti Julusan berkenaan ramai ketika ini.

"Kalau kita mulakan usaha mempertingkatkan dan memperkasakan Julusan TVET ini termasuk meningkatkan gaji yang sepatutnya diterima mereka, maka saya ingat minat generasi muda itu kepada Julusan TVET dengan sendirinya akan meningkat.

"Cuma perlu ada beberapa perubahan dalam Kementerian terlibat yang harus menerima kenyataan tentang cara dan kaedah lama harus diubah suai



ANWAR Ibrahim dan Ahmad Zahid Hamidi meninjau gerai pameran pada program Sentuhan Kasih Desa Pulau Pinang - Sesi Bual Bicara Komuniti TVET Bersama Perdana Menteri di Bertam, Pulau Pinang. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

supaya latihan TVET itu dapat memenuhi keperluan industri.

"Dalam masa sama, pihak industri juga seperti syarikat Proton, Geely, Petronas dan sebagainya dapat menyediakan latihan serta sijil seterusnya memastikan pekerjaan Julusan TVET ini terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Sentuhan Kasih

Desa Pulau Pinang - Sesi Bual Bicara Komuniti TVET Bersama Perdana Menteri di Bertam,

dekat sini, semalam yang turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Dalam pada itu, Anwar berkata, penyarah di institusi terbabit turut memaikan peranan penting sekiranya mutu

dan latihan akhir Julusan TVET mahu terus ditingkatkan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan memutuskan menambah dana khas kepada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) untuk menyediakan platform dalam melatih penyarah TVET termasuk menjalin kerjasama dengan syarikat berprestasi tinggi.